

KAJIAN AKHIR DIPLOMA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
 JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH, ITM SHAH ALAM
 PERJUMPAAN DENGAN PENYELIA

TAJUK KAJIAN AKHIR : PENILAIAN SEMULA PERANCANGAN
TANDAS AWAN
-KES KOSIAN DEKL

NAMA PELAJAR : TENGGU AHMAD NERANG B.
TENGGU AMIR PUTIPUDIN

PENYELIA : PN. JANIAH BT AHMAD ZAKI

Tarikh	Perkara Yang Dibincangkan	Pengesahan Penyelia
5.8.93.	Perbincangan sinopsis dan Bab 1.	<i>Janiah</i>
20.10.93.	Penyesahan Bab 1, 2, 3, dan perbincangan tentang bab-bab tersebut.	<i>Janiah</i>
27.10.93	Penyesahan dan perbincangan Bab 4, dan perbincangan tentang pembetulan bab 1, 2, 3.	<i>Janiah</i>

TESIS
(Thesis)

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

OKTOBER 1993

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh

TENGGU AHMAD NERANG BIN TENGGU AMIR SHIFUDDIN

bertajuk

KAJIAN PENILAIAN SEMULA PERANCANGAN:

TANDAS AWAM

diterima sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk
memperolehi Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Penyelia : PN. SANTIANG AHMAD ZAKI *Janial*

Penilai 1 : Syed Mohd Haniff *[Signature]*

Penilai 2 : Mohd. Shukri *[Signature]*

(Nama)

(Tandatangan)

Debagian Rujukan & Perkhidmatan Pembaca
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

DI TERIMA		
Kordinator Kajian Akhir Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah Kajian Senibina Perancangan & Ukur ITM, Shah Alam.		
Tarikh: 4/11/93	Masa:	T. Tangan: <i>[Signature]</i>

**TAJUK KAJIAN AKHIR
PENILAIAN SEMULA PERANCANGAN TANDAS AWAM
KAJIAN KES :
BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Oleh :

TENGGU AHMAD NERANG BIN TENGGU AMIR SHIFUDDIN

Kajian Akhir Ini Disediakan Untuk Memenuhi Keperluan
Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam

Oktober 1993

PENGHARGAAN

SYUKUR KEHADRAT ILAHI, DENGAN LIMPAN KURNIANYA PENULIS BERJAYA MENYIAPKAN LAPORAN KAJIAN AKHIR INI ATAS USAHA, KERJASAMA DAN DORONGAN YANG DITUNJUKKAN OLEH MEREKA YANG TERLIBAT.

PENGHARGAAN TIDAK TERHINGGA KEPADA PN.SANIAH BT. AHMAD ZAKI (PENYELIA PENULIS) JUGA KEPADA SEMUA PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN-KAKITANGAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR, JABATAN-JABATAN KERAJAAN YANG TERLIBAT, PIHAK-PIHAK SWASTA, PENSYARAH-PENSYARAH ITM DAN RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN YANG SAMA-SAMA TURUT MEMBERI PERANGSANG.

BUAT KEDUA IBU BAPA DAN KELUARGA YANG MENJADI NADI BAGI MENYEMARAKKAN SEMANGAT PENULIS, PENGHARGAAN SETINGGI-TINGGINYA DITUJUKAN BUAT MEREKA SEMUA. HANYA ALLAH SAHAJA YANG DAPAT MEMBALASNYA.

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengkaji perancangan tandas awam di kawasan pihak berkuasa tempatan. Memandangkan Malaysia sebagai sebuah negara dunia ketiga yang di dalam peringkat pembangunan, masih lagi terdapat perancangan terhadap elemen-elemen tertentu di dalam bandar ataupun di kawasan pihak berkuasa tempatan dilakukan secara ad-hoc. Perancangan tandas-tandas awam di mana-mana pihak berkuasa tempatan pada hakikatnya tidak mengikut kepada garis panduan tertentu. Dengan adanya kajian ini akan dapat membuka mata kepada semua pihak berkuasa tempatan supaya menyedari betapa perlunya perancangan yang sempurna ke atas tandas awam.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Isikandungan	iii
Senarai Rajah	viii
Senarai Lampiran	ix

KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	4
1.3	Matlamat Dan Objektif Kajian	6
1.4	Skop Kajian	7
1.5	Methodologi Kajian	8
1.6	Kes Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	13
BAB 2	KAJIAN AWALAN	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Definasi	15
2.3	Sejarah Kuala Lumpur	16
2.3.1	Pembangunan Kuala Lumpur	16
2.3.2	Pentadbiran Kuala Lumpur	17
2.4	Objektif Dan Strategi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	21
2.4.1	Objektif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	21
2.4.2	Strategi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	22

2.5	Aspek-Aspek Perundangan	23
2.6	Sejarah Perkembangan Tandas Awam	23
2.7	Tempat-Tempat Strategik	25
2.7.1	Gerai-Gerai Makanan	26
2.7.2	Pusat Membeli-Belah Dan Pasar	27
2.7.3	Perhentian Bas Dan Teksi	28
2.7.4	Pusat-Pusat Rekreasi Dan Hiburan	28
2.7.5	Komplek Sukan Dan Kebudayaan	29
2.8	Tandas Awam Dalam Pertumbuhan Bandar	30
2.8.1	Kebersihan	30
2.8.2	Kesihatan	31
2.8.3	Penyelenggaraan	31
2.8.4	Pengindahan	32
2.9	Sistem Pembuangan Najis	33
2.9.1	Sistem Angkut	34
2.9.2	Sistem Lubang	34
2.9.3	Sistem Curah	35
2.9.4	Tangki Septik	35
2.9.5	Tangki Imhof	36
2.9.6	Kolam Oksidasi	36
2.9.7	'Activated Sludge'	37
BAB 3	KAJIAN TAPAK	
3.1	Pengenalan	38
3.2	Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	39
3.2.1	Fungsi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	40

3.2.2	Struktur Organisasi	42
3.3	Lokasi Tandas-Tandas Awam	44
3.3.1	Tandas-Tandas Awam Yang Diselenggarakan Oleh Dewan Bandarya	44
3.3.2	Tandas-Tandas Awam Yang Diselenggarakan Oleh Pihak Swasta	49
3.4	Jenis-Jenis Bangunan Tandas Awam	51
3.4.1	Bentuk Empat Persegi	51
3.4.2	Sebahagian Dari Ciri-Ciri Bangunan	52
3.4.3	Tandas Awam Jenis Bergerak	52
3.4.4	Tandas Awam Jenis Modular	54
3.5	Amalan Perancangan Tandas Awam Di Kawasan Kajian	56
3.6	Pihak-Pihak Yang Terlibat Dengan Perancangan Tandas Awam	59
3.6.1	Unit Perancang Ekonomi Negeri	60
3.6.2	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	62
3.6.3	Jabatan Perancang Dan Kawalan Bangunan	63
3.6.4	Jabatan Pembentungan Dan Perparitan	64
3.6.5	Jabatan Arkitek Dan Projek Khas	64
3.7	Aspek Kewangan	66

BAB 4	ANALISIS KAJISELIDIK	
4.1	Pengenalan	67
4.2	Kajiselidik Pendapat	66
4.2.1	Taburan Pengguna Mengikut Bangsa	70
4.2.2	Taburan Pengguna Mengikut Jantina	72
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Umur	74
4.2.4	Lokasi Tandas Awam	77
4.2.5	Kesasakan Tandas Awam	79
4.2.6	Kecukupan Bilangan Tandas Awam	81
4.2.7	Adakah Anda Berpuashati Terhadap Tandas Awam	83
4.3	Rumusan Kajiselidik Pendapat	85
4.4	Kajian Pengamatan	88
4.4.1	Aspek Perletakkan	89
4.4.2	Aspek Rekabentuk	92
4.5	Rumusan Kajiselidik Pengamatan	95
BAB 5	MASALAH, CADANGAN DAN RUMUSAN	
5.1	Pengenalan	96
5.2	Masalah-Masalah Perancangan Tandas Awam	97
5.2.1	Pemilihan Lokasi	97
5.2.2	Garis panduan	99
5.2.3	Rekabentuk Bangunan	99
5.2.4	Kekurangan Tandas Awam	101

5.3	Cadangan-Cadangan	101
5.3.1	Lokasi	101
5.3.2	Penyediaan Garispanduán	104
5.3.3	Rekabentuk Bangunan	105
5.3.4	Kekurangan Tandas Awam	106
5.4	Rumusan	107
	Lampiran	109
	Bibliografi	117

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 :	Carta Alir Kerja Kajian	9
Rajah 3.1 :	Carta Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	43
Rajah 3.2 :	Carta Alir Prosidur Perancangan Tandas Awam	61
Rajah 4.1 :	Peratusan Pengguna Mengikut Bangsa	71
Rajah 4.2 :	Peratusan Pengguna Mengikut Jantina	73
Rajah 4.3 :	Peratusan Pengguna Mengikut Kumpulan Umur	76
Rajah 4.4 :	Kesesuaian Lokasi Tandas Awam	78
Rajah 4.5 :	Peratusan Kesesakkan Tandas Awam	80
Rajah 4.6 :	Kecukupan Bilangan Tandas Awam	82
Rajah 4.7 :	Berpuashati Dengan Tandas Awam	84

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 :	Garis panduan Penyelenggaraan Dan Kebersihan Tandas Awam	109
Lampiran 2 :	Akta Kerajaan Tempatan 1976 Undang-Undang Kecil Tandas Awam	113
Lampiran 3 :	Borang Kajiselidik	116

BAB 1
PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Fungsi sesebuah bandar telah dikenali sejak dahulu lagi sebagai sebuah kawasan yang menjadi tumpuan awam dengan melibatkan pelbagai aktiviti di dalamnya. Keadaan ini menjadikan tempat tersebut suatu kawasan yang sering dikunjungi oleh orang ramai. Secara tidak langsung, permintaan terhadap kemudahan-kemudahan sosial adalah tinggi di tempat-tempat begini.

Penyediaan kemudahan yang serba lengkap adalah perlu dibangunkan di dalam sesebuah bandar atau sesebuah penempatan. Ini merupakan asas utama menjadikan sesebuah bandar itu selesa didiami. Salah satu kemudahan awam yang menjadi keperluan kepada orang ramai ialah penyediaan kemudahan tandas awam yang sempurna di kawasan-kawasan bandar. Kerajaan Tempatan merupakan satu badan yang bertanggungjawab dan diberi kuasa bagi memastikan apa jua perancangan yang dilakukan adalah selaras dengan kehendak-kehendak Kerajaan Persekutuan dan keperluan orang ramai.

Walaupun bagaimanapun, seringkali di dalam mana-mana pembangunan, perhatian yang lebih teliti tidak diambil kira dalam mencadangkan perancangan yang lebih sempurna

ke atas elemen-elemen tersebut untuk kemudahan kepada masyarakat. Kebanyakan pembangunan tandas-tandas awam di bandar-bandar Malaysia dirancang secara 'ad-hoc' iaitu dibangunkan tanpa mengikut kepada mana-mana hairaki ataupun garis panduan yang lengkap sehinggalah ianya siap dibangun dan digunakan.

Apa yang diperhatikan sekarang, usaha dan peranan yang dimainkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau Kerajaan Tempatan dalam menyedia dan memelihara kemudahan seperti ini adalah begitu kecil sekali. Keadaan ini dapat dilihat sehingga kehari ini di mana kebanyakan tandas-tandas awam yang telah didirikan adalah di dalam keadaan yang sungguh mengaibkan. Ini disebabkan kurangnya penjagaan dan pengurusan yang sempurna oleh pihak-pihak yang terlibat apabila ianya didirikan disamping sikap pengguna - pengguna itu sendiri yang tidak bertanggungjawab dengan kemudahan awam tersebut.

Bagi menangani masalah-masalah ini, penilaian yang lebih teliti perlulah dibuat. Dengan itu adalah diharapkan hasil daripada kajian ini nanti akan dapat mengatasi masalah - masalah yang sering berlaku dan dapat pula mewujudkan suatu cadangan atau idea yang lebih baik bagi penyediaan tandas awam di kawasan penguasa-penguasa tempatan agar dapat digunakan dengan lebih berkesan dan selesa untuk masa akan datang. Tidak dapat dinafikan

kepentingan kemudahan tersebut kepada orang ramai adalah perlu dirancang dan diawasi dengan sebaik mungkin kerana keselesaan penggunaan kemudahan-kemudahan awam di dalam sesebuah bandar itu adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan merancanganya dengan sebaik mungkin.

1.2 Kenyataan Masalah

Perkembangan pada dewasa ini memperlihatkan dikebanyakan bandar-bandar Malaysia menghadapi masalah dengan kewujudan tandas-tandas awam di tempat-tempat yang tidak bersesuaian. Masalah ini tidak begitu dirasakan oleh pihak berkuasa tempatan, sebaliknya orang ramai yang menggunakan kemudahan tersebut yang akan menghadapinya.

Keadaan ini semua boleh berlaku kerana berpunca dari masalah perancangan yang tidak teratur. Kebanyakan tandas-tandas awam yang telah sedia wujud di bandar-bandar negara ini dirancang berdasarkan kepada kepadatan tempat-tempat tersebut dengan kegiatan orang ramai. Keadaan ini lebih ketara lagi terutamanya di kawasan pihak berkuasa tempatan yang tidak begitu aktif dalam pembangunan selain disebabkan oleh masalah kewangan. Pembangunan tandas-tandas awam sudah tentu akan diketepikan langsung atau diambil ringan sahaja oleh mereka (Penguasa Tempatan). Ini semua merupakan punca kepada masalah kekurangan tandas-tandas awam terutamanya di kawasan-kawasan bandar.

Kenyataannya sekarang, pembangunan tandas-tandas awam di negara ini masih lagi dirancang secara 'ad-hoc' oleh mereka yang bertanggungjawab di dalam hal ini iaitu pihak berkuasa tempatan.

Adalah lebih baik sekiranya kemudahan tersebut dapat dirancang oleh pihak berkuasa tempatan dengan lebih teratur supaya penggunaannya akan lebih selesa. Kebaikannya nanti akan dapat dirasakan oleh semua pihak terutamanya para pelancung asing yang datang berkunjung ke negara ini sudah pasti akan dicerminkan dengan gambaran yang indah.

1.3 Matlamat Dan Objektif Kajian

1.3.1 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk menilai semula perancangan tandas awam di kawasan pihak berkuasa tempatan.

1.3.2 Objektif Kajian

Bagi memastikan matlamat kajian tercapai, beberapa objektif tertentu perlu dibentuk. Objektif-objektif tersebut adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini iaitu :

- i. mengkaji kaedah perancangan tandas awam yang dipraktikkan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- ii. mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat dengan perancangan tandas awam.
- iii. mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna tandas awam melalui kajiselidik yang dijalankan.
- iv. mengkaji prosidur perancangan tandas awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membuat satu penganalisan secara rasional ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan tandas awam samada di bawah jagaan pihak berkuasa tempatan atau badan-badan tertentu. Tempat-tempat yang menjadi kawasan tumpuan orang ramai seperti kompleks membeli-belah, perhentian bas dan teksi, taman rekreasi, taman selera dan sebagainya disekitar kawasan Bandaraya Kuala Lumpur akan dikaji.

Penelitian akan dilihat dari aspek perletakan, pengawasan, penyediaan dan penggunaannya. Ini semua adalah kerana untuk memastikan pencapaian matlamat kajian akan dapat dicapai dengan lebih berkesan melalui pengkajian ke atas aspek-aspek tersebut.


1.5 Methodologi Kajian

Bagi memastikan matlamat kajian dicapai dengan sepenuhnya, kaedah kajiselidik yang akan dijalankan perlulah mampu untuk menepati kehendak kajian. Maklumat-maklumat yang diperlukan terdiri daripada pengumpulan data-data sekunder dan data-data primer. Berdasarkan kepada perolehan data-data tersebut, dapatlah ia dijadikan sebagai bukti penemuan kajian. Kajiselidik yang dilakukan terdiri daripada tiga peringkat. Peringkat-peringkat tersebut dinyatakan seperti di bawah dan ditunjukkan pada rajah 1.1.

i. Peringkat Pertama

Peringkat pertama ini merupakan peringkat di mana kajian awalan dilakukan. Pada mulanya masalah-masalah yang berkaitan dengan tandas awam dikenal pasti bagi menentukan matlamat dan objektif kajian. Kajian awalan ini juga turut mengkaji latarbelakang penyediaan tandas awam oleh pihak-pihak tertentu serta bagaimana ianya mula diperkenalkan untuk kegunaan awam. Pengkajian juga akan menyentuh tentang polisi-polisi yang terdahulu yang digunakan oleh pihak tertentu berkenaan dengan penyediaan dan perancangan tandas awam tersebut. Selain daripada itu perkara-perkara yang berkaitan dengan pembinaan kemudahan awam berkenaan juga dikaji.

Rajah 1: Carta Alir Kerja



ii. Peringkat Kedua

Pada peringkat ini, kajian tapak akan dilakukan, antaranya dengan menggunakan kaedah pengamatan. Keadaan sediaada di kawasan kajian berkenaan dengan taburan dan perletakan kemudahan ini akan diamati disekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Jenis-jenis data yang dikumpul terdiri daripada data - data primer dan data - data sekunder. Data-data tersebut akan diperolehi melalui temubual dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti temubual dengan orang ramai dan penguasa tempatan yang terlibat dengan penyediaan kemudahan tandas awam tersebut. Seterusnya data-data yang diperolehi akan dikumpul untuk dianalisis pada peringkat berikutnya iaitu peringkat ketiga.

iii. Peringkat Ketiga

Pada peringkat akhir ini, analisis dilakukan setelah segala maklumat dan data-data yang diperolehi dari tapak kajian dikumpul. Segala bentuk penemuan merupakan perkara yang akan menjadi bukti kepada hasil kajian ini. Berdasarkan kepada data-data tersebut akan disesuaikan dengan cadangan-cadangan yang berguna untuk menangani masalah-masalah yang dikenalpasti.

TESIS
(Tesis)


1.6 Kes Kajian

Kawasan kajian yang telah dikenalpasti untuk mencapai matlamat kajian ini ialah di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Kuala Lumpur yang mempunyai bilangan penduduk yang padat dan ramai adalah sesuai untuk dijadikan kes kajian. Ini sudah tentulah memerlukan penyediaan tandas awam yang lebih sempurna di kawasan-kawasan begini.

Secaranya ringkasnya, Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia yang terletak di sebelah pantai barat Semenanjung Malaysia. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan penguasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur.

Cabangan Rujukan & Perkhidmatan Pembacaan
Perpustakaan Tunas Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

FOTOSTAT TIDAK DIREPAKAI



27 batu
43.2 288 16.4 0 43.2 km

PETUNJUK:

TAJUK:

LOKASI TAPAK KAJIAN

NO. PELAN: 1

NEGERI PERAK

NEGERI PAHANG

NEGERI SELANGOR

WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR

SHAH ALAM

NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN

SELAT MELAKA